



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



KOMPILASI

Kolaborasi Strategik

KOLEJ KOMUNITI LAHAD DATU

2021-2022



NUR HAYATI

BADUMINGO

ASRIANI

KARIM

AININ AZWANI

ABDUL RAFA

KOMPILASI

Kolaborasi strategik

KOLEJ KOMUNITI LAHAD DATU 2021-2022

**NUR HAYATI BADUMINGO
ASRIANI KARIM
AININ AZWANI ABDUL RAFA**



Kolej Komuniti Lahad Datu
Kementerian Pendidikan Tinggi
2023

©Hak cipta Kolej Komuniti Lahad Datu, Kementerian Pendidikan Tinggi, 2023

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Kolej Komuniti Lahad Datu.

Diterbitkan oleh :

Unit Perhubungan Industri dan Alumni
Kolej Komuniti Lahad Datu,
Kementerian Pendidikan Tinggi,
MDLD 7211, Lot 246-255,
Bandar Sri Perdana, Jalan Silam
91110 Lahad Datu,
Sabah.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-16716-2-7

KANDUNGAN

Bil	Perkara	Halaman
1.	Sekapur Sirih	i
2.	Prakata	ii
3.	Glosari	1
4.	Senarai Singkatan	2
5.	Sidang Redaksi	3
6.	Latar Belakang	4
7.	Kolaborasi Strategik bersama Jabatan Penerangan Lahad Datu	6
8.	Kolaborasi Strategik bersama Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu	15
9.	Kolaborasi Strategik bersama De SR' Resepi	23
10.	Kolaborasi Strategik bersama Hajah Yanong Frozen Food Industries	32
11.	Kolaborasi Strategik bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Lahad Datu	42
12.	Program Bersama Rakan Kolaborasi Sepanjang Tahun 2021 - 2022	58
13.	Penutup	120
15.	Penghargaan	121

Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Kompilasi Kolaborasi Strategik Kolej Komuniti Lahad Datu Tahun 2021 hingga 2022 ini berjaya diterbitkan.

Sekalung tahniah kepada Unit Perhubungan Industri dan Alumni khasnya dan seluruh warga Kolej Komuniti Lahad Datu umumnya di atas usaha murni dalam menjayakan kolaborasi-kolaborasi strategik yang dilaporkan di dalam buku ini.

Jutaan penghargaan saya ucapkan kepada para rakan kolaborasi strategik yang telah sudi bekerjasama dengan KKLD dalam menggembelng tenaga untuk memberikan manfaat kepada para pelajar dan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Jamaluddin bin Lantara
Pengarah
Kolej Komuniti Lahad Datu
Kementerian Pendidikan Tinggi

Prakata



Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Kompilasi Kolaborasi Strategik Kolej Komuniti Lahad Datu Tahun 2021 hingga 2022 ini berjaya diterbitkan.

Buku Kompilasi Kolaborasi Strategik 2021-2022 ini memaparkan kerjasama pintar yang telah berjaya dilaksanakan bersama agensi awam dan industri luar.

Penerbitan buku ini merupakan yang julung kali dihasilkan oleh Unit Perhubungan Industri dan Alumni, Kolej Komuniti Lahad Datu. Buku Kompilasi Kolaborasi Strategik ini diterbitkan bertujuan untuk merekod segala usaha dan peranan Kolej Komuniti Lahad Datu bersama rakan kolaborasi dan masyarakat komuniti umumnya. Selain itu, perkongsian program dan aktiviti yang dilaksanakan bersama rakan kolaborasi dapat memberikan gambaran jelas akan komitmen dan usaha Kolej Komuniti Lahad Datu selaras dengan Visi jabatan untuk Menjadi Peneraju Institusi TVET yang unggul.

Selaku Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni Kolej Komuniti Lahad Datu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja Kolej Komuniti Lahad Datu, agensi awam dan industri yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan semua Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik 2021-2022 yang telah berjaya dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

Nur Hayati binti Badumingo
Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni (PPIA)
Kolej Komuniti Lahad Datu
Kementerian Pendidikan Tinggi

GLOSARI

Jalanan Hubungan Industri	Hubungan dan interaksi di antara tugas, fungsi, jabatan, serta organisasi yang menggalakkan perkongsian maklumat, idea, dan integrasi dalam mencapai objektif bersama.
Industri	Sekumpulan pengeluar/ perniagaan atau organisasi bukan pendidikan yang menghasilkan barang atau perkhidmatan tertentu.
Agensi Awam	Perkhidmatan atau pentadbiran awam adalah segala proses, organisasi atau individu yang terlibat dalam pelaksanaan undang-undang dan peraturan yang diputuskan oleh badan perundangan, eksekutif dan kehakiman.
Kolaborasi	Mengatur aktiviti dan bekerjasama di antara dua atau lebih pihak untuk mencapai matlamat bersama
<i>Certificate of Collaboration</i>	Suatu pernyataan dan persetujuan awal kedua-dua pihak untuk bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti di peringkat jabatan atau institusi tanpa mewujudkan suatu ikatan undang-undang terhadap hasrat kerjasama yang ingin dilaksanakan kedua-dua belah pihak
Ts.	Teknologis Profesional yang diiktiraf oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

SENARAI SINGKATAN

JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
BKIK	Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti
KKLD	Kolej Komuniti Lahad Datu
CoC	<i>Certificate of Collaboration</i>
SPK	Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan
PPIA	Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni
TPA	Timbalan Pengarah Akademik
TPP	Timbalan Pengarah Pengurusan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
JaPen	Jabatan Penerangan
APM	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
NGO	<i>Non-Profit Organization</i>

SIDANG REDAKSI

Jawatankuasa Penerbitan Buku Kompilasi Kolaborasi Strategik Kolej Komuniti Lahad Datu 2021 - 2022



Pengerusi
En. Jamaluddin bin Lantara
Pengarah
Kolej Komuniti Lahad Datu



Timbalan Pengerusi
Pn. Christina Khoo
Timbalan Pengarah Pengurusan
Kolej Komuniti Lahad Datu



Pengarang / Grafik dan Susun Atur
Pn. Nur Hayati binti badumingo
Pegawai Perhubungan Industri & Alumni
Kolej Komuniti Lahad Datu



Pengarang
Pn. Asriani binti Karim
Pegawai Peperiksaan
Kolej Komuniti Lahad Datu



Pengarang
Pn. Ainin Azwani binti Abdul Rafa
Pensyarah SPK
Kolej Komuniti Lahad Datu



Ketua Editor / Setiausaha
Pn. Zarinah binti Abd Bari
Pembantu Pustakawan
Kolej Komuniti Lahad Datu

LATAR BELAKANG

Unit Perhubungan Industri dan Alumni merupakan unit yang menguruskan penempatan pelajar untuk menjalani latihan industri sebagai salah satu usaha melahirkan graduan kompeten dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan industri dalam Negara.

Unit ini amat mengalu-alukan penglibatan agensi/organisasi kerajaan, swasta dan NGO yang dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar Kolej Komuniti Lahad Datu khasnya untuk menjalani latihan industri.

Dengan peluang ini, pihak industri turut menyumbang dalam memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada pelajar-pelajar dalam bidang yang diceburi bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran sebagai persediaan mereka menceburi dunia pekerjaan.

Unit ini juga turut menjalinkan kerjasama dan meluaskan jaringan dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan NGO bagi memperkasa jaringan kolaborasi strategik, meningkatkan keefisienan jabatan serta pemerkasaan komuniti dan peningkatan taraf hidup masyarakat.

Sijil Kerjasama/*Certificate of Collaboration* (CoC) merujuk kepada suatu pernyataan dan persetujuan awal kedua-dua pihak untuk bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti di peringkat jabatan dan institusi tanpa mewujudkan suatu ikatan undang-undang terhadap hasrat kerjasama yang ingin dilaksanakan antara kedua-dua pihak.

CARTA ORGANISASI



En. Jamaluddin bin Lantara
Pengarah
Kolej Komuniti Lahad Datu



Ts. Welzan Saimon
Timbalan Pengarah Akademik
Kolej Komuniti Lahad Datu



Pn. Christina Khoo
Timbalan Pengarah Pengurusan
Kolej Komuniti Lahad Datu



Pn. Nur Hayati binti Badumingo
Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni
Kolej Komuniti Lahad Datu



Pn. Anis Mastura binti Ahmad Fuad
Penyelaras Latihan Industri
Kolej Komuniti Lahad Datu



Pn. Asriani binti Karim
Penyelaras Alumni
Kolej Komuniti Lahad Datu

1

KOLABORASI STRATEGIK JABATAN PENERANGAN LAHAD DATU |

23 MAC 2021

Coretan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Dari Kanan: Puan Christina Khoo, Timbalan Pengarah Pengurusan, Ts. Welzan Saimon, Timbalan Pengarah Akademik bersama Puan Rozita binti Mohd Jamil, Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu menyampaikan cenderamata sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada Pegawai Penerangan Daerah Lahad Datu, **Encik Hendry bin Nurdin** yang mewakili Pejabat Penerangan Lahad Datu (JaPen), atas kesudian Jabatan Penerangan Lahad Datu untuk berkolaborasi dalam :-

- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan;
- Membantu menyebarkan mengenai fungsi dan peranan Kolej Komuniti;
- Penglibatan dalam aktiviti Kolej Komuniti Lahad Datu;
- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat latihan.

Kolaborasi strategik antara Kolej Komuniti Lahad Datu dan Pejabat Penerangan Lahad Datu (JaPen) dimeterai dalam satu Program Intai-Intai Kolej Komuniti Lahad Datu bersama rakan media. Sesi menandatangani sijil kolaborasi strategik/pertukaran dokumen di antara Pegawai Penerangan Daerah Lahad Datu, Encik Hendry bin Nurdin dan Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu, Puan Rozita binti Mohd Jamil telah berlangsung pada **23 Mac 2021** bertempat di Bilik Persidangan Kolej Komuniti Lahad Datu.

Program Intai-Intai Kolej Komuniti Lahad Datu merupakan program sulung yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Lahad Datu bagi mempertaut dan mempererat hubungan yang sedia terjalin dengan perwakilan media di negeri Sabah amnya dan daerah Lahad Datu khasnya. Hubungan yang termeterai antara Kolej Komuniti Lahad Datu dengan media boleh disimpulkan dengan peribahasa “muafakat membawa berkat” kerana sinergi yang terbentuk hasil daripada kerjasama ini bakal memberikan impak yang sangat signifikan terhadap pembangunan komuniti di daerah Lahad Datu.

Kolej Komuniti Lahad Datu mengucapkan ribuan terima kasih kepada para rakan media yang telah hadir, iaitu Utusan Borneo, Bernama dan See Hua Daily News.



Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Puan Rozita binti Mohd Jamil bersama Encik Hendry bin Nurdin mengambil gambar kenangan bersama simbolik penyerahan Sijil Kolaborasi Strategik



Sesi menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik yang dimuktamadkan diantara kedua belah pihak

Sarotan SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Barisan hadapan : Rakan media Bernama dan Utusan Borneo



Rakan media See Hua Daily News merakam gambar semasa majlis

Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Bacaan doa pembukaan majlis daripada Encik Ahmad Al-Munzir



Ucapan alu - aluan daripada Puan Rozita binti Mohd Jamil

Sarotan SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Ucapan daripada Encik Hendry bin Nurdin semasa Majlis Kolaborasi berlangsung



Taklimat Korporat Kolej Komuniti Lahad Datu yang disampaikan oleh Puan Christina Khoo, Timbalan Pengarah Pengurusan Kolej Komuniti Lahad Datu

Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



SIJIL KOLABORASI STRATEGIK ANTARA KKLD DAN JAPEN LAHAD DATU

NO.KKLAHADDATU/001(2021)

KOLABORASI STRATEGIK

**KOLEJ KOMUNITI LAHAD DATU
DAN
JABATAN PENERANGAN LAHAD DATU**

Dengan ini kedua-dua pihak akan mengadakan kolaborasi dalam menjayakan aktiviti berikut:

KOLEJ KOMUNITI LAHAD DATU

- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat latihan;
- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan;
- Penglibatan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

JABATAN PENERANGAN DAERAH

- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan;
- Membantu menyebarkan mengenai fungsi dan peranan Kolej Komuniti;
- Penglibatan dalam aktiviti Kolej Komuniti Lahad Datu;
- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat latihan.

Ditandatangani bagi pihak:

KOLEJ KOMUNITI LAHAD DATU	JABATAN PENERANGAN LAHAD DATU
	
ROZITA BINTI MOHD JAMIL Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu	HENDRY BIN NURDIN Pegawai Penerangan Daerah Lahad Datu

Tarikh : 23 Mac 2021

2

**KOLABORASI
STRATEGIK
PEJABAT
KESIHATAN KAWASAN
LAHAD DATU |**

25 MAC 2021

Coretan


SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Puan Rozita binti Mohd Jamil, Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu menyampaikan cenderamata sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada Pegawai Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu, **Dr. Amirul Hisyam bin Zainol** dengan diperhatikan oleh barisan warga kerja Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu, di atas kesudian Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu untuk berkolaborasi dalam :-

- Perkongsian kepakaran dan perundingan kesihatan;
- Penglibatan dalam aktiviti Kolej Komuniti Lahad Datu;
- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat.

Kolaborasi antara Kolej Komuniti Lahad Datu dan Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu telah dimeterai dalam satu Program World TB Day, *"The Clock is Ticking"* di Kolej Komuniti Lahad Datu. Sesi menandatangani sijil kolaborasi strategik dan pertukaran dokumen di antara Pegawai Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu, Dr. Amirul Hisyam bin Zainol dan Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu, Puan Rozita binti Mohd Jamil telah berlangsung dengan jayanya pada 25 Mac 2021.



"The Clock is Ticking" Tuberkulosis (TIBI/TB) merupakan penyakit berjangkit yang berpunca daripada bakteria M.Tuberculosis sp dan boleh membawa maut.

Dr. Amirul Hisyam bin Zainol
Pegawai Pejabat Kesihatan
Kawasan Lahad Datu



Tahun ini, Hari TB Sedunia disambut pada 24 Mac bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesan buruk pada kesihatan, sosial dan ekonomi akibat jangkitan TB selain usaha menamatkan wabak TB secara global. Tema Hari Tuberkulosis Sedunia 2021 - *"THE CLOCK IS TICKING"* merujuk kepada masa yang singkat untuk bertindak atas komitmen bagi membendung wabak TB global.

Sarotan SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Semasa Majlis Perasmian World TB Day "The Clock is Ticking"



Penyerahan Sijil Penghargaan kepada Kolej Komuniti Lahad Datu

Sarotan SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



*Barisan warga kerja Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu bersama
Pn. Rozita binti Mohd Jamil*



*Ucapan Perasmian daripada Dr. Amirul Hisyam bin Zainol dan Penyerahan Sijil
Penghargaan kepada Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu daripada
Kolej Komuniti Lahad Datu*



Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Ucapan daripada Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu, Pn. Rozita binti Mohd Jamil semasa Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi



Barisan warga kerja Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu yang turut hadir memeriahkan Majlis Kolaborasi

Seratan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Ucapan daripada Pegawai Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu, Dr. Amirul Hisyam bin Zainol semasa Majlis Kolaborasi berlangsung



Barisan warga kerja Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu dan Kolej Komuniti Lahad Datu yang turut hadir memeriahkan Majlis Kolaborasi

SIJIL KOLABORASI STRATEGIK ANTARA KKLD DAN PEJABAT KESIHATAN KAWASAN LAHAD DATU

NO.KKLAHADATU/002(2021)


POLITEKNIK
MALAYSIA


KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI


KOLEJ KOMUNITI
MALAYSIA

KOLABORASI STRATEGIK

KOLEJ KOMUNITI LAHAD DATU DAN PEJABAT KESIHATAN KAWASAN LAHAD DATU

Dengan ini kedua-dua pihak akan mengadakan kolaborasi dalam menjayakan aktiviti berikut:

KOLEJ KOMUNITI LAHAD DATU

- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat latihan;
- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan;
- Penglibatan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

PEJABAT KESIHATAN LAHAD DATU

- Perkongsian kepakaran dan perundingan kesihatan;
- Penglibatan dalam aktiviti Kolej Komuniti Lahad Datu;
- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat.

Ditandatangani bagi pihak:

**KOLEJ KOMUNITI
LAHAD DATU**


ROZITA BINTI MOHD JAMIL
Pengarah
Kolej Komuniti Lahad Datu

**PEJABAT KESIHATAN KAWASAN
LAHAD DATU**


DR AMIRUL HISHAM BIN ZAINOL
Pegawai Pejabat Kesihatan
Kawasan Lahad Datu

Tarikh : 25 Mac 2021

3

KOLABORASI STRATEGIK DE SR' RESEPI I

08 APRIL 2021

Coretan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Barisan Hadapan, dari kiri: Puan Christina Khoo, Timbalan Pengarah Pengurusan, Puan Sariyaman binti Sabur, Pengurus Besar De' SR Resepi, Puan Rozita binti Mohd Jamil, Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu, Puan Nurul'azah binti Mohd Yaakub, Pensyarah Universiti Malaysia Sabah, Ts. Welzan Saimon, Timbalan Pengarah Akademik.

Barisan Belakang: Para pensyarah Program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan (SPK) dalam Majlis Kolaborasi yang berlangsung.

Kolej Komuniti Lahad Datu berbesar hati dan berterima kasih kepada **Puan Sariyaman binti Sabur**, Pengurus Besar De SR' Resepi di atas kesudian De SR' Resepi untuk berkolaborasi dalam :-

- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan;
- Penglibatan dalam aktiviti Kolej Komuniti Lahad Datu;
- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat;
- Penawaran tempat Latihan Industri bagi pelajar Kolej Komuniti Lahad Datu.

Sesi menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik di antara kedua belah pihak telah dimeterai dalam Program Semakan Dokumen "*Self Review Report*" (SRR), dimana Puan Sariyaman binti Sabur telah bertindak selaku Panel Industri bersama Puan Nurul'azah binti Mohd Yaakub selaku Panel Akademik pada **08 April 2021** bertempat di Bilik Persidangan KKLD.

Program ini dijalankan sebagai persediaan untuk menghadapi Audit Pematuhan oleh Pihak MBOT. Audit Pematuhan dilaksanakan bertujuan untuk mengekalkan Perakuan Akreditasi Penuh dan memastikan kualiti Program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan, Kolej Komuniti Lahad Datu dapat dipertingkatkan. Mana-mana program yang telah mendapat Perakuan Akreditasi hendaklah dikenakan proses audit pematuhan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun atau mana-mana tempoh lain yang dipersetujui oleh pengurusan bagi program berstatus Akreditasi Penuh. Selaras dengan saranan ini, Kolej Komuniti Lahad Datu telah menjemput dua panel penilai yang terdiri daripada panel penilai (akademik) dan panel penilai (industri) bagi sama-sama menyemak dan menilai agar KKLD mematuhi item atau bidang standard COPPA yang telah ditetapkan.

Untuk makluman, pada tahun 2014 Kolej Komuniti Lahad Datu telah mencapai standard jaminan kualiti yang ditetapkan oleh MQA dan mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia. Bermula tahun 2022, Kolej Komuniti Lahad Datu telah beralih daripada "*Malaysian Qualification Agency*" (MQA) kepada "*Malaysian Board of Technologist*" (MBOT) dan telah menerima Pengiktirafan Lulus Akreditasi Penuh selama **EMPAT (4) Tahun**.



Sarotan SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Sorotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Barisan Jawatankuasa Pelaksana Self Review Report Kolej Komuniti Lahad Datu



Semakan dokumen Unit Pengurusan bersama Timbalan Pengarah Pengurusan, Pn. Christina Khoo

Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Semakan dokumen Unit Pembangunan Pelajar bersama Pegawai Pembangunan Pelajar, Pn. Noormalinawati binti Jamal dan En. Khairil bin Taufik Latif, Penyelaras Unit Psikologi & Kaunseling



Lawatan para panel penilai ke Makmal Pemprosesan bagi subjek SPK 3104 Pemprosesan Hasil Daging dan Ayam bersama Pensyarah Subjek, En. Mansur bin Nassir



SIJIL KOLABORASI STRATEGIK ANTARA KKLD DAN DE' SR RESEPI

NO.KKLAHADDATU/003(2021)



POLITEKNIK
MALAYSIA



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



**KOLEJ KOMUNITI
MALAYSIA**

KOLABORASI STRATEGIK

KOLEJ KOMUNITI LAHAD DATU DAN DE' SR RESEPI

Dengan ini kedua-dua pihak akan mengadakan kolaborasi dalam
menjayakan aktiviti berikut:

KOLEJ KOMUNITI LAHAD DATU

- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat latihan;
- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan;
- Penglibatan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan.


DE' SR RESEPI

- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan;
- Penglibatan dalam aktiviti Kolej Komuniti Lahad Datu;
- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat;
- Penawaran tempat Latihan Industri bagi pelajar Kolej Komuniti Lahad Datu.

Ditandatangani bagi pihak:

**KOLEJ KOMUNITI
LAHAD DATU**

ROZITA BINTI MOHD JAMIL
Pegawai
Kolej Komuniti Lahad Datu

DE SR RESEPI

SARIYAMAN SABUR
Pengurus
De' SR Resepi

Tarikh : 08 April 2021

4

**KOLABORASI
STRATEGIK
HAJAH YANONG FROZEN
FOOD INDUSTRIES I**

13 OKTOBER 2021

Coretan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Encik Jamaluddin bin Lantara, Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu yang baharu menyampaikan cenderamata sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada Pengurus Besar Hajah Yanong Frozen Food Industries, **Puan Hajah Yanong binti Latuka** diiringi Timbalan Pengarah Akademik, Ts. Welzan Saimon di atas kesudian Hajah Yanong Frozen Food Industries untuk berkolaborasi dalam :-

- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan;
- Penglibatan dalam aktiviti Kolej Komuniti Lahad Datu;
- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat;
- Penawaran tempat Latihan Industri bagi pelajar Kolej Komuniti Lahad Datu.

Lawatan perkongsian peralatan bersama industri (Hajah Yanong Frozen Food Industries) merupakan salah satu kerjasama institusi dalam menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi melalui sumbangan atau perkongsian peralatan. Kolaborasi di antara Kolej Komuniti Lahad Datu dan Hajah Yanong Frozen Food Industries Sdn. Bhd dimuktamadkan dalam Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik pada **13 Oktober 2021** bertempat di premis Yanong's Cawangan Kinabatangan, Sabah.

Proses pembelajaran bukan sahaja berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran semata-mata. Pensyarah boleh mempelbagaikan proses pembelajaran melalui aktiviti-aktiviti luar seperti lawatan-lawatan ke industri yang mempunyai peralatan dan mesin pemprosesan yang dapat menjadi rujukan para pensyarah untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam melaksanakan PdP secara teori mahupun secara praktikal. Melalui program lawatan ini, para pensyarah dapat menggunakan peralatan pemprosesan industri skala besar dalam penghasilan bebola ayam dan daging seperti :-

- *Meat ball machine (Model YQ-280)*
- *Industrial meat grinder*
- *Heavy duty blender food machinery*
- *Slicing machine*



Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Sarotan SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Barisan pensyarah SPK bersama warga kerja Hajah Yanong Frozen Food Industries Sdn. Bhd



Dari kiri : Puan Hasdaraini binti Mohd Hassan bersama Ts. Welzan Saimon bersama produk cenderamata Yanong's yang terdiri daripada bebola daging, sos lada kicap dan mi soto segera

Seratan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Puan Hasdaraini, Pensyarah SPK dalam proses pembuatan bebola ayam menggunakan meat ball machine



Dari Kiri : Pn. Anis Mastura, En. Mohd Hazrul, En. Mansur, Puan Ainin Azwani dan Puan Hasdaraini yang bersedia untuk masuk ke kilang pemprosesan makanan bebola ayam dan daging.

Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Pn. Nur Hayati (PPIA) semasa proses memasak bebola daging menggunakan periuk gas skala industri di kilang pemprosesan makanan Hajah Yanong Frozen Food Industries Sdn. Bhd



Puan Ainin Azwani, Ketua program SPK semasa proses penimbangan bebola ayam dan daging di kilang pemprosesan makanan Yanong Frozen Food Industries Sdn. Bhd

Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Dari Kiri : Pn. Nur Hayati (PPIA), Ts. Welzan Saimon (TPA), En. Jamaluddin (Pengarah), Pn. Hajah Yanong (Pengurus Besar) dan Pn. Anis Mastura (Ketua Unit Inovasi, Penyelidikan & Komersilan) semasa berada di kilang pemprosesan makanan Yanong's



Pengarah ditemani En. Khairil dan PPIA dalam sesi ramah mesra bersama Pn. Yanong binti Latuka di Unit Pentadbiran dan Koperasi miliknya, Cawangan Kinabatangan Sabah.

SIJIL KOLABORASI STRATEGIK ANTARA KKLD DAN HAJAH YANONG FROZEN FOOD INDUSTRIES

NO. KKLAHADDATU/004(2021)

KOLABORASI STRATEGIK

**KOLEJ KOMUNITI LAHAD DATU
DAN
HAJAH YANONG FROZEN FOOD INDUSTRIES**

Dengan ini kedua-dua pihak akan mengadakan kolaborasi dalam menjayakan aktiviti berikut:

KOLEJ KOMUNITI LAHAD DATU

- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat latihan;
- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan;
- Penglibatan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

HAJAH YANONG FROZEN FOOD INDUSTRIES

- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan;
- Penglibatan dalam aktiviti Kolej Komuniti Lahad Datu;
- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat;
- Penawaran tempat Latihan Industri bagi pelajar Kolej Komuniti Lahad Datu.

Ditandatangani bagi pihak:

KOLEJ KOMUNITI LAHAD DATU	HAJAH YANONG FROZEN FOOD INDUSTRIES
	
JAMALUDDIN BIN LANTARA Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu Kementerian Pengajian Tinggi	HAJAH YANONG BINTI LATUKA Pengurus Hajah Yanong Frozen Food Industries

Tarikh : 13 Oktober 2021

5

**KOLABORASI
STRATEGIK
ANGKATAN
PERTAHANAN AWAM
MALAYSIA (APM)
DAERAH LAHAD DATU |**

24 NOVEMBER 2022

Coretan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Encik Jamaluddin bin Lantara, Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu menyampaikan cenderamata gubahan bunga orkid sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada **Lt. (PA) Asby bin Mohd Anwar**, Pegawai Pertahanan Awam Daerah Lahad Datu dengan diiringi oleh Ts. Welzan Saimon dan Puan Noormalinawati binti Jamal dan di atas kesudian pihak APM Lahad Datu untuk berkolaborasi dalam :-

- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan;
- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat latihan;
- Penglibatan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan tanggungjawab sosial korporat

Majlis Kolaborasi antara Kolej Komuniti Lahad Datu dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Lahad Datu telah dimeterai dalam Majlis Penyerahan Sumbangan Simen Ferro yang disempurnakan oleh Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu, Encik Jamaluddin bin Lantara pada **24 November 2022** bertempat di Kolej Komuniti Lahad Datu, Sabah. Penyerahan sumbangan simen ferro kepada pihak APM Lahad Datu adalah rentetan daripada Program *Empowerment Women* yang telah dirasmikan oleh Puan Sitti Royani Binti Rafael, Ketua Wanita UMNO Bahagian Silam merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti Lahad Datu yang telah berlangsung pada 28 Oktober 2022. Kursus simen ferro ini telah dikelolakan oleh Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat dibawah seliaan Puan Noormalinawati binti Jamal dengan kerjasama Wanita UMNO. Kursus ini melibatkan seramai 30 orang peserta termasuk wakil Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Lahad Datu. Program ini berlangsung selama dua (2) hari bermula 28 sehingga 29 Oktober 2022 di perkarangan Kolej Komuniti Lahad Datu.

Berdasarkan rekod, pada tahun 2019 sehingga November 2022, Kolej Komuniti Lahad Datu telah menganjurkan sebanyak 170 kursus yang berjaya menarik penyertaan seramai 3,852 orang peserta.



Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Encik Jamaluddin bin Lantara, Pengarah KKLD menyambut kedatangan Lt. (PA) Asby bin Mohd Anwar di perkarangan Kolej Komuniti Lahad Datu



Dari Kiri : Encik Jamaluddin bin Lantara bersama Puan Noormalinawati binti Jamal mengiringi Lt. (PA) Asby menandatangani Buku Pelawat KKLD

Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Sesi Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik dimuktamadkan dengan ditandatangani oleh Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu



Sesi Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik dimuktamadkan dengan ditandatangani oleh Pegawai Pertahanan Awam Daerah Lahad Datu

Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Lt. (PA) Asby bin Mohd Anwar bersama Encik Jamaluddin bin Lantara bergambar kenangan bersama Sijil Kolaborasi yang telah temeterai



Lt. (PA) Asby bin Mohd Anwar mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Jamaluddin diatas kesudian pihak KKLD untuk bekerjasama dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang akan datang.

Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Penyerahan simbolik Simen Ferro daripada Pengarah Kolej Komuniti Lahad Datu diiringi Timbalan Pengarah Akademik, Ts. Welzan Saimon bersama Penyelaras PSH, Pn. Noormalinawati binti Jamal



Penyerahan cenderamata sebagai tanda terima kasih daripada Kolej Komuniti Lahad Datu kepada Pegawai Pertahanan Awam Daerah Lahad Datu, Lt. (PA) Asby bin Mohd Anwar

Sorotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Gambar kenangan bersama barisan AJK Pelaksana Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik antara kolej Komuniti Lahad Datu bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Lahad Datu



Gambar kenangan bersama barisan AJK Pelaksana Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik antara kolej Komuniti Lahad Datu bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Lahad Datu

Sarotan

SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



Sarotan SEPANJANG MAJLIS KOLABORASI



*Simbolik penyerahan Simen Ferro yang menggunakan 3mm
Transparent Acrylic Sheet, saiz A2*

SIJIL KOLABORASI STRATEGIK ANTARA KKLD DAN APM DAERAH LAHAD DATU

NO. KKLAHADATU/001 (2022)



**KOLEJ KOMUNITI
